

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)48

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

48. Senaraikan pihak-pihak yang telah dilantik melakukan kajian berkaitan pembinaan asrama warga asing di Teluk Kumbar.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

48. Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah meluluskan satu (1) Permohonan Kebenaran Merancang NO. MBPP/OSC/PM513/2023 bagi cadangan mendirikan satu (1) blok bangunan asrama pekerja 27 tingkat yang mempunyai 512 unit di atas Lot 1859, 1860 & 1865, Tingkat Teluk Kumbar, Mukim 9, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang telah dikemukakan oleh Tetuan Chong Company Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, kelulusan Kebenaran Merancang (Borang C1) masih belum dikeluarkan oleh MBPP kepada Tetuan Chong Company Sdn. Bhd memandangkan Tetuan Chong Company Sdn. Bhd. masih belum memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Walaubagaimanapun, setiap cadangan pembinaan asrama pekerja adalah melalui permohonan Kebenaran Merancang oleh pihak pemaju kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi projek asrama warga asing di Teluk Kumbar, antara syarat-syarat yang ditetapkan oleh MBPP mengenai kajian adalah seperti berikut:

- (a) **Laporan Kajian Impak Lalu Lintas (TIA)** bagi penyelesaian ke atas masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Teluk Kumbar. Pemaju adalah pihak bertanggungjawab melaksanakan TIA sepertimana yang disyaratkan. TIA ini dilaksanakan oleh pemaju melalui konsultan yang dilantik iaitu Perunding Trafik Dinamik Sdn. Bhd.; dan
- (b) **Laporan Kajian Impak Sosial (SIA)** bagi menangani masalah impak sosial kepada penduduk setempat. Pemaju iaitu Tetuan Chong Company Sdn. Bhd. adalah pihak bertanggungjawab melaksanakan SIA sepertimana yang disyaratkan. SIA ini dilaksanakan oleh pemaju melalui konsultan yang dilantik iaitu Green Acres Studio Sdn. Bhd.